

TEKS UCAPAN
YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS MAKAN MALAM KONVOKESYEN KALI KE-20 DAN
ANUGERAH BITARA KESIDANG 2024
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

07 November 2024, 8.00 Malam

HATTEN HOTEL, Melaka

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Salam UTeM ku Sayang Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan



Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hjh. Asmah binti Ab Rahman

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun**

Canselor dan YABhg. Toh Puan untuk hadir bersama-sama ke Majlis Makan Malam Konvokesyen kali ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan YABhg. Toh Puan jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Canselor terhadap seluruh warga Universiti ini. Kami seluruh warga Universiti senantiasa, **mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan sekeluarga dilimpahi rahmat, diberkati usia,**

**sihat tubuh badan dan dimudahkan rezeki untuk terus memimpin
Universiti juga Negeri Melaka ke arah kegemilangan**

3. Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

SALUTASI


-Seperti di lampiran



4. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mewakili seluruh warga UTeM ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan kurniaanNYA, kita dapat berkumpul pada malam ini untuk **meraikan dua acara yang amat bersejarah dalam kalendar Universiti Teknikal Malaysia Melaka, iaitu Majlis Makan Malam Konvokesyen Kali Ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024.**

5. Selamat datang dan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada malam yang penuh bermakna ini. Kehadiran Datuk, Datin, tuan-tuan dan puan-puan adalah satu penghormatan yang besar bagi kami dan akan

menambahkan lagi kemeriahan dan keserian Majlis Makan Malam Konvokesyen ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Saya iringi ucapan dengan serangkap pantun:



Sirih berlipat sirih pinang,
Sirih dipetik di tepi titi;
Kami ucapkan selamat datang,
Moga Majlis sentiasa diberkati.

6. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada barisan urus setia yang dipengerusikan secara bersama **oleh Profesor Ts. Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid, Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Profesor Madya Dr. Mohd Shakir bin Md Saat, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) dan juga Encik Hazman bin Hasib, Pengarah Pusat Perhubungan Strategik & Global Korporat (UGlobe)** yang bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan majlis pada malam ini. Terima kasih juga kepada perwakilan dari industri, agensi dan penyumbang bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia

Melaka kali ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024 yang turut hadir bersama pada majlis malam ini.

Tuan Yang Terutama Tun, YABhg. Toh Puan dan Hadirin sekalian,

7. Penganjuran Majlis Makan Malam ini adalah sebagai **satu platform untuk menghargai penerima anugerah bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Untuk makluman para hadirin, Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-20 yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 November 2024 akan menyaksikan **kejayaan 3459 orang graduan menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi 6 sesi penganugerahan yang merangkumi 120 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 159 orang graduan Ijazah Sarjana, 2683 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 497 orang graduan Diploma.** Kepada semua para graduan, tahniah diucapkan. Anda telah membuktikan bahawa dengan usaha dan dedikasi,

tiada yang mustahil untuk dicapai. Semoga kejayaan ini menjadi pencetus kepada kejayaan-kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

9. Bukan itu sahaja, majlis ini juga sebagai satu platform untuk menghargai **jalinan hubungan kerjasama di antara universiti dan juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam perkembangan Universiti**. Saya sangat berharap, dengan penganjuran majlis pada malam ini, ia akan dapat mengeratkan lagi hubungan strategik dengan semua pemegang taruh agar kerjasama pintar dapat dilaksanakan bagi memanfaatkan semua pihak.

10. Untuk makluman semua juga Majlis pada malam ini turut **dianjurkan bersekali dengan Anugerah Bitara Kesidang 2024**. UTeM secara tahunan telah menganjurkan Anugerah Akademik Universiti (AAU) bagi menghargai kecemerlangan ahli akademik. Walau bagaimanapun pada tahun ini adalah lebih istimewa kerana terdapat **DUA (2) anugerah baharu yang diperkenalkan iaitu Anugerah Khas Pentadbir dan Pelaksana serta Anugerah Khas Tun Canselor**.

11. **AAU memberi "pengiktirafan" kepada ahli akademik yang merangkumi pelbagai aspek kecemerlangan,** termasuklah

pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan inovasi. Tujuannya adalah bagi menghargai prestasi yang telah dicapai oleh staf akademik, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, serta bagi memotivasikan mereka untuk terus meningkatkan sumbangan dalam membitarakan universiti. Untuk tahun ini sebanyak **17 kategori anugerah telah disediakan**. Penerima utama bagi setiap kategori akan menerima sebuah **trofi, sijil penghargaan dan wang bernilai RM4,000**. Manakala bagi penerima **saguhati akan menerima sijil penghargaan dan wang bernilai RM500**.

12. **Anugerah Khas Pentadbir dan Anugerah Khas Pelaksana** pula diperkenalkan bagi menghargai sumbangan staf pentadbir dan **pelaksana** yang merupakan penyokong kepada keseluruhan tadbir urus universiti. Tanpa kerjasama erat ahli akademik dan staf pentadbiran, kejayaan mutlak sukar dicapai. Bak kata pepatah “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”. Justeru, staf pentadbiran yang cemerlang dan telah melakar kejayaan dalam bidang masing-masing juga perlu diraikan. Anugerah staf pentadbiran ini adalah yang **julung-julung kali diadakan pada tahun ini**. Pengiktirafan staf pentadbir dan pelaksana ini merangkumi **EMPAT (4) kategori iaitu**

Anugerah Pentadbir Terbaik, Anugerah Pelaksana Terbaik, Anugerah Khas Khidmat Komuniti dan Kesukarelawanan dan Anugerah Khas Sukan dan Rekreasi. Penerima anugerah bagi setiap kategori akan menerima **sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang bernilai RM4,000.**

13. Selain itu, **Anugerah Khas Tun Canselor** mula diperkenalkan pada tahun ini. Ia merupakan **pengiktirafan tertinggi di peringkat universiti bagi menghargai sumbangan individu atau kumpulan melalui**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

pelaksanaan projek dalaman dan luaran yang memberi impak yang signifikan kepada UTeM.

Tuan Yang Terutama Tun, YABhg. Toh Puan, dan Hadirin sekalian,

14. Saya dengan rasa rendah diri berharap agar kita dapat bersama-sama mendoakan Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-20 yang akan bermula pada hari Sabtu ini dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

15. Akhir kata, saya ingin **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini.** Semoga malam ini akan menjadi kenangan yang indah dan bermakna kepada semua yang hadir. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli Jawatankuasa Majlis Makan Malam Konvokesyen kali ke-20 dan Anugerah Bitara Kesidang 2024, yang begitu komited dalam memastikan kelancaran serta kejayaan majlis pada malam ini seperti yang dirancangan. Dengan ini saya sudahi ucapan dengan serangkap pantun:


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pintal kapas menjadi benang,

Dibuat songket untuk Puteri;

Jasa baik terus dikenang,

Ucapan terima kasih tidak terperi.



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan YABhg. Toh Puan di atas kesudian hadir ke majlis pada malam ini.

Sekian. Saya — sudah — dengan — Wabillahit — taufik — Walhidayah Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.